

605:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 7 FEB. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMMAD, HARI INI MENGINGATKAN PARI PELAJAR BAHAWA DENGAN MERAJOK DAN MELARIKAN DIRI DARI MASAALAH BUKANLAH CARA YANG BAIK MENYELESAIKANNYA.

KATANYA, KAUM PELAJAR HARI INI PERLULAH BERSIKAP TEGAS DAN BERDISIPLIN KERANA MASA DEPAN MEREKA AKAN PENUH DENGAN CABARAN DAN RINTANGAN.

+OLEH ITU, MEREKA MESTILAH MENGHADAPI MASAALAH DENGAN CARA YANG TERATUR DAN BUKAN DENGAN CARA MERAJOK DAN MELARIKAN DIRI, + TEGASNYA.

MENTERI ITU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SATU KENYATAAN MENGULAS BERITA YANG TERSIAR DALAM AKHBAR TEMPATAN HARI INI YANG MENYEBUT 30 ORANG MURID TINGKATAN ENAM RENDAH MERAJOK DAN MENINGGALKAN SEKOLAH. -- BERSAMBUNG 1831/ZCM

608:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KESEMUA MURID ITU BELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH SAINS, BUKIT MERTAJAM DAN SEDANG MENUNGGU KEPUTUSAN PEPERIKSAAN MCE/SPM.

OLEH KERANA TIDAK ADA TEMPAT YANG CUKUP DI SEKOLAH BUKIT MERTAJAM, MEREKA DITEMPATKAN DI SEKOLAH MENENGAH SAINS, KOTA BHARU.

MEMANDANGKAN KEPADA KEPENTINGAN PELAJARAN MURID-MURID, KERAJAAN TAHUN INI MEMBERI PELUANG ISTIMEWA KEPADA MEREKA MENGGUNAKAN MASA MENUNGGU PEPERIKSAAN UNTUK MEMPERKUKUHKAN PELAJARAN MEREKA.

INI SUPAYA MEREKA DAPAT BIMBINGAN UNTUK MELENGKAPKAN DIRI UNTUK MENGHADAPI PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PELAJARAN.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN UNTUK MENJAYAKAN PROJEK ISTIMEWA INI KERAJAAN MEMBELANJAKAN SETENGAH JUTA RINGGIT KHAS UNTUK MENYEDIAKAN TEMPAT TINGGAL, MAKAN DAN SEBAGAINYA. -- BERSAMBUNG 1904/ZCM

609:
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, +MEMANDANGKAN MURID-MURID TERSEBUT BERADA HANYA 24 JAM DI SEKOLAH ITU, DAN MEMANDANGKAN MURID-MURID LAIN SANGGUP MENERUSKAN PELAJARAN MEREKA DALAM KEADAAN YANG SAMA, SAYA TIDAK DAPAT MENYAKINKAN DIRI BAHAWA PEMULAUAN KELAS DIBUAT KERANA TIDAK ADA JALAN LAIN. +

GURUBESAR SEKOLAH ITU TELAH CUBA MENGHUBUNGI MURID-MURID TERSEBUT TETAPI MEREKA ENGGAN BERJUMPA DENGANNYA, TAMBAHNYA.

+APA YANG DIPERKATAKAN OLEH MURID-MURID KEPADA IBUBAPA MEREKA MUNGKIN BENAR DAN MUNGKIN TIDAK.

+TETAPI, MERAJOK DAN MELARIKAN DIRI DARIPADA MASAALAH BUKAN CARA DAN LATIHAN YANG BAIK, + TEGAS BELIAU LAGI. -- BERNAMA 1907/ZCM